

# AADK 'tarik' bekas penagih jalani rawatan pemulihan sukarela

- Hanya 65 peratus penagih pulih selepas jalani rawatan pada 2021, manakala 5,877 lagi kembali menagih

- Kajian KDN dan UKM mendapati bagi setiap penagih dadah yang dikesan, ada empat lagi masih bebas menagih

- Antara faktor bekas penagih gagal ikuti program susulan adalah kewangan, kesukaran hadir ke fasiliti dan malu



Oleh Sutekno Ahmad Belon  
bhrencana@bh.com.my

Tiada pihak akan dipertanggungjawabkan mengenai penagihan dan penyalahgunaan dadah, selain Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Ia satu-satunya agensi menyediakan khidmat rawatan dan pemulihan komprehensif bagi memastikan setiap individu terbabit masalah ketagihan dapat dirawat dan dipulihkan sebaiknya.

Meskipun pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan AADK, dua petunjuk prestasi utama (KPI) iaitu kadar penagihan dadah dan kepulihan pelanggan akan menjadi ukuran utama pencapaiannya, namun setakat ini masih berada pada paras memuaskan sahaja.

Namun, perkara itu sedikit pun tidak mematahkan semangat keluarga AADK untuk terus

faktor dikenal pasti menjadi punca, termasuk kurang perhatian dan sokongan keluarga, pandangan serong masyarakat kepada bekas penagih, pengaruh rakan dan sikap individu itu sendiri enggan berubah.

Sementara itu, dapatan Kajian Prevalen Penagihan Dadah Tahun 2022 dijalankan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula mendapati bagi setiap penagih atau penyalahgunaan dadah dikesan pihak berkuasa, masih terdapat empat orang belum dapat dikesan dan masih bebas menagih.

Berdasarkan nisbah itu, mengikut rekod AADK, seramai 123,139 penagih dan penyalahguna dadah dikesan pihak berkuasa pada 2021. Daripada jumlah itu, anggaran penagih dan penyalahguna dadah masih tidak dapat dikesan dan menerima rawatan sewajarnya adalah 492,556 orang.

antara mereka tidak tahu atau malu mengikut program rawatan serta pemulihan dadah.

Justeru, Perkhidmatan *Mobile Recovery Treatment* (MRT AADK) diperkenalkan bagi menjejaki mereka tercicir agar tidak terus terbelenggu dengan permasalahan dadah.

Seiring slogan AADK 'Kepada Anda', pasukan MRT AADK di seluruh negara akan bergerak memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah di premis pelanggan berkenaan atau mana-mana tempat dan kemudahan dikenal pasti sesuai.

Perkhidmatan MRT AADK ini diwujudkan di semua 14 pejabat AADK negeri di seluruh negara. Setakat ini, 28 Pasukan MRT AADK dianggotai 108 pegawai pemulihan berkemahiran, berpengalaman dan terlatih dalam rawatan serta pemulihan penagihan dadah bersedia memberikan perkhidmatan ini kepada kumpulan tercicir terbabit.

menyediakan perkhidmatan baharu sesuai dengan perkembangan semasa, terutama mengambil kira perubahan trend penagihan dadah dalam negara, inisiatif serta pendekatan baharu berkesan dan relevan seiring dasar semasa kerajaan.

Justeru, dua program bagi merawat pulih penagih di negara ini di bawah Model i-Pulih AADK terus ditambah baik serta dimantapkan dari semasa ke semasa.

Dua program itu ialah Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK) dikendalikan 109 pejabat AADK daerah, manakala Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) dijalankan di 30 Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) seluruh negara.

Pada 2021, pelanggan AADK bagi Program RPDK berjumlah 73,113 orang dan Program RPDI (7,133 orang). Setiap tahun, secara purata kira-kira 15,000 pelanggan ini selesai menjalani proses merawat pulih masalah penagihan masing-masing.

Namun daripada jumlah itu, kadar kepulih pelanggan hanya sekitar 65 peratus dengan anggaran 5,877 orang kembali menagih. Beberapa

Walaupun begitu, dapatan kajian itu memperlihatkan pelbagai strategi, program dan inisiatif dilaksanakan kerajaan melalui Dasar Dadah Negara memberikan kesan positif dalam usaha membasmi permasalahan dadah.

Kadar penagihan dadah di negara ini dengan nisbah 1:4 baik sedikit berbanding nisbah 1:8 pada peringkat antarabangsa diunjurkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Dadah dan Jenayah (UNODC) pada 2021.

Sehubungan itu, usaha berterusan akan terus diperhebatkan lagi AADK bagi memastikan setiap individu terbabit permasalahan dadah mendapat akses kepada perkhidmatan rawatan dan pemulihan terbaik bersesuaian keadaan semasa serta keperluan individu berkenaan.

Selari dengan kajian itu, AADK mengorak langkah menjejaki mereka tercicir daripada Program RPDK dan RPDI. Kumpulan tercicir yang tidak dapat atau kurang mendapat akses program rawatan serta pemulihan itu, mungkin sukar untuk hadir ke fasiliti AADK.

Ini disebabkan kekangan perundangan, peraturan, kewangan atau logistik dan ada pula

Apabila perkara baharu diperkenalkan dan akan dipraktikkan, sudah pasti pelbagai tanda tanya timbul lebih-lebih lagi menyentuh perihal keberkesanan dan keupayaan AADK melaksanakannya.

Usah kkuatir, risau atau gusar. Kajian mendalam berhubung Perkhidmatan MRT AADK dijalankan, bahkan projek rintis juga dilaksanakan kepada banduan terbabit dengan penagihan dadah pada 2021 di Penjara Kajang. Hasil projek rintis itu mendapat reaksi positif kumpulan sasar. Rata-rata menyambut baik dan gembira dengan usaha digerakkan AADK.

Kerjasama antara AADK dengan Jabatan Penjara Malaysia ini menjadi pendekatan penyelesaian masalah kolabratif bagi mengatasi masalah banduan dadah yang berulang dan meningkatkan kadar kepatuhan untuk mereka menghadiri Program RPDK selepas dibebaskan kelak.

Selain kerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia, sudah ada beberapa agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menahirkan hasrat dan minat bekerjasama serta mendapatkan Perkhidmatan MRT AADK.

Dengan kepakaran dan pendayaupayaan kemahiran dalaman AADK, pelaksanaan Perkhidmatan MRT AADK diyakini dapat menawarkan perkhidmatan merawat pulih secara berfokus kepada mereka tercicir.

Tambahan pula, pelaksanaan Perkhidmatan MRT AADK menekankan pendekatan berdasarkan masyarakat ini akan mudah diakses rakyat, terutama mereka berdepan masalah untuk hadir ke fasiliti AADK.

Perkhidmatan MRT AADK juga menawarkan program lebih fleksibel yang pakej rawatan dan pemulihan berkenaan mengetengahkan konsep *boutique* akan disesuaikan dengan keperluan klien itu sendiri.

Usaha AADK ini menjadikan pemulihan daripada penyalahgunaan dadah bukan angan-angan, sebaliknya boleh direalisasikan melalui Perkhidmatan MRT AADK sebagai akses rawatan dan pemulihan dadah secara sukarela di negara ini, sekali gus memberikan daya tarikan baharu dalam penyampaian perkhidmatan lebih prihatin, interaktif dan mesra.

